


### KUBUR PANGLIMA AWANG DI REMBAU?



Penyelidik UPM runcit misteri 'kehilangan' Enrique de Malacca di Selatan Filipina



Pencipta kompas pertama di dunia



LAPORAN Metro Ahad, semalam.

## PANGLIMA AWANG

# Orang ‘penting’

Syazwan Msar

cnews@NSTP.com.my

### Kuala Lumpur

Bahan kajian dalam menentukan keturunan dan asal usul Panglima Awang dilakukan dengan merujuk beberapa buku serta catatan yang terdapat di negara luar sebelum menentukan kubur berkemungkinan milik pelayar Melayu terulung itu.

Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Rohaidah Kamaruddin berkata, pihaknya terpaksa mendapatkan maklumat berkaitan Panglima Awang yang disimpan di Perpustakaan Negara Australia, Filipina dan Itali bagi mendapatkan maklumat terperinci berkaitan individu berkenaan.

Beliau berkata, antara catatan atau buku yang dirujuk adalah Pigafetta, Antonio, Magellan’s Voyage (1524) dan Duarte Barbosa,

Mansel Longworth Dames, (1518) The Book of Duarte Barbosa: An Account of The Countries Bordering on The Indian Ocean and Their Inhabitants.

“Selain itu, pihak kami juga membuat rujukan berkaitan catatan yang ditulis Jaos De Barros (1552), First Decade of Asia dan Eredia’s Description of Malacca, Meridional India, and Cathay.

“Pada masa sama, kami turut melakukan kajian dengan meneliti fakta sejarah berkaitan Negeri Sembilan sebelum mendapati Panglima Awang berasal dari Rembau,” katanya.

Dr Rohaidah berkata, Negeri Sembilan adalah sebahagian daripada pemerintahan kerajaan Melaka menyebabkan Panglima Awang menjadi ‘orang penting’ dan dihormati sebelum kerajaan Melayu itu tumbang kepada Portugis.

“Panglima Awang dijadikan sebagai tawanan sebelum dijual kepada Ferdinand Magellan untuk diajukan hamba sebelum dilantik sebagai juruhasa-

“Kisah pelayaran mengejutkan dunia Magellan pada 1519-1522 ini sudah amat terkenal dan beliau dijulang sebagai tokoh pelayar dunia. Namun kita sedia maklum bahawa Magellan terbunuh dalam perang di Pulau Mactan, Cebu (Filipina) pada 27 April 1521,” katanya.

Katanya, Panglima Awang dikhianati Duarte Barbosa apabila enggan membebaskannya selepas kematian Magellan, malah tidak membayar upah seperti yang tertulis dalam wasiat pelayar itu.

“Berikutnya itu, Panglima Awang enggan mengikut Duarte Barbosa pulang ke Sepanyol sebelum dia mengambil keputusan untuk menetap di Pulau Mactan.

“Kisah Panglima Awang hanya tercatat sehingga itu saja namun ada antara kisah daripada penduduk tempatan di pulau berkenaan yang menyatakan pelayar Melayu itu berjuang bersama pemimpin mereka sebelum mengambil keputusan pulang ke negeri kelahirannya,” katanya.